

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL
GHAPUR BIN HAJI SALLEH [KALABAKAN]**

TARIKH : 26 OKTOBER 2016 [RABU]

SOALAN :

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **Perdana Menteri** menyatakan memandangkan bahawa Malaysia diberi kuota haji mengikut kaedah 1% daripada penduduk Malaysia dan ini bererti 28,000 yang layak. Berapakah daripada jumlah ini diperuntukkan kepada Negeri Sabah.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada pengagihan atau peruntukan kuota khas kepada mana-mana negeri di Malaysia. **TH** mengamalkan sistem pendaftaran haji terbuka berdasarkan konsep yang mendaftar dahulu didahulukan sejak dari 1995.

Sehubungan itu, pemilihan bakal haji untuk menunaikan fardhu haji setiap tahun adalah berdasarkan tarikh dan masa pendaftaran haji mereka. Tawaran untuk menunaikan haji ke Tanah Suci akan dibuat kepada mereka yang telah tiba giliran pada tahun semasa.

Ingin ditegaskan sebagaimana penjelasan saya beberapa kali di Dewan ini berhubung dengan jumlah Kuota Haji Malaysia, bahawa **Mesyuarat Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC)** pada tahun 1978 di Amman, Jordan, telah memutuskan bahawa Kerajaan Arab Saudi menetapkan kuota haji setiap negara pada kadar **0.1 %** daripada penduduk sesebuah negara berasaskan perangkaan Prospek Populasi Dunia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nation's World Population Prospect*).

Justeru, **Kuota Rasmi Malaysia yang berasaskan perangkaan penduduk Malaysia adalah berjumlah 27,900 orang.** Bagi musim haji 2016M/1437H, Kerajaan Arab Saudi telah mengurangkan jumlah kuota haji sebanyak 20 peratus bagi semua negara disebabkan oleh pembangunan dan penambahbaikan di sekitar Masjidil Haram yang masih dijalankan. Justeru, kuota Jemaah Haji Malaysia pada musim haji tahun ini adalah berjumlah 22,320 orang.

Namun begitu, pihak **TH** pada setiap tahun mengambil inisiatif dengan mengadakan perjumpaan dan menghantar surat rayuan kepada Kerajaan Arab Saudi untuk dipertimbangkan penambahan kuota haji negara ini.

Sekian, terima kasih.